



## SIARAN AKHBAR

---

SESI LAWATAN BAGI YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA KE  
TAPAK-TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN,  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bandar Seri Begawan

Hari Sabtu, 20 Jamadilawal 1440H bersamaan 26 Januari 2019M

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ini meneruskan lagi lawatan siri kedua bersama ke beberapa lokasi Tapak-Tapak Perusahaan Pertanian di Daerah Brunei dan Muara, iaitu sebagai lanjutan dari siri lawatan yang pertama yang telah diadakan pada hari Selasa, 22 Januari 2019 yang lalu. Lawatan ini adalah merupakan beberapa siri lawatan yang telah diatur oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi mengongsikan serta memberigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan perusahaan yang berkaitan dengan industri pertanian di Negara Brunei Darussalam. Selain daripada itu, program lawatan kerja ini juga diatitkan bagi memberikan pendedahan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai dengan teknik serta sistem perladangan moden dan teknologi-teknologi terkini yang digunapakai oleh pengusaha-pengusaha dalam meningkatkan keluaran dan produktiviti ladang perusahaan masing-masing; penglibatan anak-anak tempatan sebagai pemilik secara persendirian ataupun usahasama (*joint-venture*) dengan pengusaha-pengusaha asing; dan juga peluang-peluang pekerjaan yang mampu disediakan untuk anak-anak tempatan.



Seramai 10 orang rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyertai program lawatan ini. Manakala di pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, turut menyertai rombongan lawatan tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Md Ishak, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Awang Haji Abdul Halidi bin Mohd Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Lawatan tersebut bermula di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku, iaitu Syarikat Gropoint Sdn Bhd yang bertempat di Site E1 kawasan tersebut. Syarikat merupakan syarikat usahasama diantara pengusaha tempatan dengan pelabur asing dari Malaysia yang giat mengusahakan tanaman buah-buahan tidak bermusim menggunakan sistem rumah terlindung dan sistem fertigasi. Syarikat mempunyai kawasan tapak berkeluasan 20 hektar dengan jumlah pekerja seramai 1 anak tempatan dan 8 pekerja asing. Syarikat ini mula menjalankan perusahaan tanaman buah-buahan tidak bermusim iaitu musk melon mulai dari Januari 2018 dengan hasil pengeluaran ladang pada tahun 2018 adalah sebanyak 0.36 tan metrik.

Lawatan diteruskan ke Syarikat RZ Prisma Enterprise yang merupakan syarikat milik anak tempatan kepunyaan Pengiran Dato Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail. Syarikat terletak di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, KKP Kilanas, dan beroperasi di tapak berkeluasan 1 hektar dengan menjalankan perusahaan tanaman sayur dan buah bernilai tinggi dengan kaedah hidroponik dan tanaman menegak. Jumlah pekerja pada masa ini adalah seramai 7 orang yang terdiri daripada 4 anak tempatan dan 3 pekerja asing. Syarikat ini mula menjalankan perusahaan tanaman sayur dan buah bernilai tinggi bermula pada tahun 2018 dengan hasil pengeluaran ladang berjumlah 3.72 tan metrik.



Seterusnya lawatan disambung ke Ladang Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) bertempat di Lot K3 Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, KKP Kilanas dengan keluasan tapak 1.1 hektar. Ladang program PROPAZ ini adalah merupakan program yang dikelolakan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang bertujuan untuk mengupayakan asnaf fakir dan miskin serta membuka peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan. Misi program ini adalah untuk melaksanakan program-program yang berdaya tahan berbentuk latihan dan kemahiran secara professional kepada peserta program. Setakat ini seramai 5 orang anak tempatan ikut serta dalam program ini yang menanam jenis tanaman seperti cili, sayur daun dan jagong secara penanaman konvensional. Hasil pengeluaran jagong manis pada Disember 2018 adalah 150 kilogram.

Lawatan kemudian diteruskan ke Syarikat Ladang Ameenfarm iaitu sebuah syarikat anak tempatan milik Awang Haji Irwandy bin Haji Lios yang bertempat di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, KKP Kilanas, seluas 4 hektar. Syarikat Ladang Ameenfarm ini giat menjalankan perusahaan tanaman sayur daun, sayur buah dan buah (batat dan sekoi) dengan menggunakan Sistem Fertigasi dan Rumah Terlindung. Pada masa ini, syarikat ini memiliki 5 orang pekerja yang terdiri daripada 2 anak tempatan dan 3 pekerja asing dan telah beroperasi mulai daripada Jun 2017. Pada tahun 2017, hasil pengeluaran ladang adalah 3.07 tan metrik dan sebanyak 17.6 tan metrik pengeluaran pada tahun 2018.

Lawatan seterusnya disambung pula ke Syarikat Norajijah Plantation Sdn Bhd yang merupakan syarikat usahasama diantara pengusaha tempatan dengan pelabur asing dari Malaysia. Syarikat ini beroperasi di atas tapak berkeluasan 2 hektar dan 1.3 hektar masing-masing di Lot C dan Lot 57, KKP Batumpu, Kg Masin yang mana aktif menjalankan perusahaan ternakan ayam kampung secara komersial (secara berlepas). Syarikat telah beroperasi di Lot C pada bulan Ogos 2016 manakala operasi



mula dijalankan pada Julai 2017 di Lot 57. Pada masa ini, syarikat memiliki pekerja seramai 7 orang yang terdiri daripada 1 anak tempatan dan 6 pekerja asing. Pada tahun 2017, hasil pengeluaran ladang adalah sekitar 28,000 ekor ayam kampung, manakala pada tahun 2018 pengeluaran adalah sebanyak 42,000 ekor ayam kampung.

Sesi diakhiri dengan lawatan ke tapak projek penanaman padi yang diusahakan oleh Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) bertempat di KKP Wasan seluas 186.7 hektar (216 Lot). Hasil pengeluaran pada tahun 2017 adalah 1,069.40 tan metrik, dan pada tahun 2018 adalah sebanyak 1,199.75 tan metrik. Sehingga kini, jumlah peladang di bawah KOSEKA yang bergiat aktif dalam kegiatan bertanam padi ini adalah seramai 68 orang. Di tapak KKP Wasan tersebut, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah diberikan penerangan ringkas mengenai industri padi di negara ini oleh Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali, Ketua Unit Industri Padi di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Program lawatan bagi Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan diteruskan lagi dengan siri lawatan ketiga iaitu lawatan ke Tapak-Tapak Perusahaan Pertanian di Daerah Belait pada hari Selasa, 29 Januari 2019.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Bahagian Pengurusan dan Kewangan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
*Tarikh: 26 Januari 2019 (amended 5.30pm)*